

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

NO. KENYATAAN TENDER : PSUKPP/TENDER/01/2014

1. PELAWAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala : **210105** bagi melaksanakan perkhidmatan berikut :-

No Tender	Tajuk
PSUKPP/TENDER/01/2014	Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Perkakasan dan Rangkaian Komputer di Pejabat-pejabat Luar Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang

2. PENDAFTARAN

Syarikat-syarikat yang ingin membeli dokumen tender ini dikehendaki mendaftar melalui **e-Perolehan Negeri** di **Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** dan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran asal daripada Kementerian Kewangan dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor beserta salinannya dan *business card* (salinan sijil dan *business card* tidak dikembalikan).

3. DOKUMEN TENDER

- 3.1 Penender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat mengenai tender ini yang akan diadakan **pada jam 9.00 pagi, 21 Mei 2014 (Rabu)** di Bilik Mesyuarat Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Tingkat 24, KOMTAR, Pulau Pinang.
- 3.2 Dokumen tender boleh dibeli melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>
- 3.3 Harga setiap dokumen ialah **RM50.00** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>.
- 3.4 Dokumen tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **selewat-lewatnya pada 2 Jun 2014 (Isnin) jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam peti tender yang terletak di **Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Tingkat 24, KOMTAR, Pulau Pinang.**

#### **4. SKOP RINGKAS TENDER**

Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Perkakasan dan Rangkaian Komputer di 17 Pejabat Luar Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang seperti berikut:

1. Pejabat Masjid Negeri
2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat Seberang Perai Utara
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya
5. Jabatan Kebajikan Masyarakat Seberang Perai Selatan
6. Jabatan Kebajikan Masyarakat Seberang Perai Tengah
7. Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara
8. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Barat Daya
9. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Perai Selatan
10. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah
11. Jabatan Kerja Raya (Elektrik), Bayan Baru
12. Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Selatan
13. Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut
14. Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Utara
15. Jabatan Kerja Raya (Mekanikal), Bukit Tengah
16. Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Tengah
17. Jabatan Kerja Raya (Elektrik), Bukit Tengah

#### **PERHATIAN**

**Maklumat terperinci mengenai Tender Merekabentuk, Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Perkakasan dan Rangkaian Komputer di 17 Pejabat Luar Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang adalah seperti di dalam Dokumen Tender yang boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan Negeri di alamat url <http://ep.penang.gov.my>**